

Headline	RM200,000 cuci sungai, parit		
MediaTitle	Sinar Harian (Terengganu)		
Date	26 Oct 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	42	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	818 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,730
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,190

RM200,000 cuci sungai, parit

Kerja gotong-royong itu sebagai persediaan hadapi banjir

KEMASIK - Peruntukan sebanyak RM200,000 disalurkan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bagi melaksanakan 20 projek pembersihan sungai dan parit secara gotong-royong di kawasan Dun Kemasik yang turut menjadi sebahagian daripada persediaan menghadapi banjir.

Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Kemudahan Awam, Teknologi dan Tenaga Hijau negeri, Ir Rosli Othman berkata, kaedah mencuci sungai dan parit secara gotong-royong itu merupakan kaedah pertama kali diperkenalkan selari dengan Strategi Lautan Biru



Kerja pembersihan dilakukan secara gotong-royong melibatkan penduduk.

Kebangsaan (NBOS).

Menurutnya, projek berkenaan diserahkan kepada kesemua 20 Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) da-

lam Dun Kemasik.

"Skop kerja projek ini adalah untuk memulihara sungai dan parit yang akan memberi impak kepada masyarakat.

"Peruntukan diberi sebanyak RM10,000 bagi setiap projek termasuk pembelian peralatan, barang keperluan serta perbelanjaan makan dan minum mereka yang terlibat dengan gotong-royong," katanya selepas melancarkan dua daripada 20 projek itu masing-masing di Kampung Baru Kanan Kemasik dan Kampung Baru Kerteh Zon 3.

Hadirsama, Penolong Pengarah Bahagian Sungai dan Mesra Alam Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Terengganu, Che Mohd Rosdan Che Rahim dan Jurutera Daerah JPS Kemaman, Nik Mohd Fariz Zamani.



Rosli (dua, kanan) dan Nik Mohd Fariz mencuci sistem perparitan semasa pelancaran kerja pemuliharaan sungai di Kampung Baru Kanan Kemasik.

Sistem saliran dibaik pulih

Bagi projek di Kampung Baru Kerteh Zon 3, JKKK kawasan itu turut membeli longkang bagi menambahkan sistem saliran di kampung terbabit.

Rosli yang juga Adun Kemasik berkata, pemberian peruntukan itu secara tidak langsung menyelesaikan masalah penyaluran air kumbahan di kampung tersebut.

"Masalah air kumbahan di kampung ini telah lama penduduk ketagihkan tapi disebabkan masalah peruntukan dan melibatkan laluan untuk saliran air kumbahan itu melibatkan tanah persendirian, ia (projek untuk atasi masalah) tidak dapat dijalankan.

"Tapi setelah terima projek mencuci sungai dan parit ini, masalah tersebut selesai kerana pihak JKKK cakap mereka minta kerjasama pemilik tanah persendirian dan tuan tanah bagi kelulusan untuk laksana-

INFO • 20 projek pembersihan sungai dan parit secara gotong-royong di kawasan Dun Kemasik

kan," katanya.

Mengulas lebih lanjut, katanya, pelaksanaan projek itu sekali gus menjadi sebahagian daripada persediaan banjir yang berlaku setiap kali tibanya musim tengkujuh.

"Di sesetengah tempat ada lagi sungai, parit dan longkang yang tidak dibersihkan jadi bila ada peruntukan ini, kita boleh melakukannya," ujarnya.

Sehubungan itu, Rosli merakamkan ucapan penghargaan kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar terutama kepada menterinya, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar dan Timbalan Ketua Pengarah Sektor Bisnes JPS, Datuk Dr Md Nasir Md Noh kerana menyediakan peruntukan kepada mereka.

JPS Kemaman terima RM2 juta

Sementara itu, Nik Mohd Fariz berkata, maksimum tempoh kerja bagi melaksanakan projek itu adalah selama 14 hari.

Dalam pada itu, ditanya mengenai persediaan JPS menghadapi banjir, kata Nik Mohd Fariz, pihaknya telah menerima peruntukan kira-kira RM2 juta bagi menjalankan kerja-kerja persediaan menghadapi bencana itu di daerah ini.

"Skop kerja terlibat adalah menggali cuai untuk pemuliharaan sungai di seluruh Kemaman termasuk melibatkan kawasan industri Kerteh, Batu Putih, Labohan dan Chukai," katanya.



Rosli (kiri) dan Nik Mohd Fariz menggali tanah bagi kerja-kerja pembinaan longkang di Kampung Baru Kerteh Zon 3.



Rosli bersama pihak JKKK Kampung Baru Kerteh yang telah memulakan kerja gotong-royong pemuliharaan sungai.